

Kerajaan akan pertahankan hak ke atas Sabah

UM 2 JUL 2011

KUALA LUMPUR 1 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, kerajaan akan mempertahankan hak ke atas Sabah walau dengan apa cara sekalipun.

Katanya, dari segi perundangan Pulau Sipadan, Ligitan dan Sabah adalah hak negara ini.

Oleh kerana itu Malaysia menyerahkan perkara itu kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang diharap dapat bertindak secara adil menyelesaikan tuntutan berkenaan, katanya.

“Kita anggap tuntutan Filipina ke atas Sabah itu sebagai perbuatan menangguk di air keruh atau nak tumpang tui.

“Sedangkan negara sendiri tak boleh nak jaga, insya-Allah kita akan tentukan yang Sabah akan terus berada dalam Malaysia,” katanya sambil disambut dengan tepukan gemuruh oleh lebih 1,000 mahasiswa dan mahasiswi di majlis penutup Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru di Uni-

versiti Malaya (UM) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa menjawab soalan mahasiswi dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang membangkitkan kebimbangan pelajar universiti itu tentang nasib mereka di Sabah.

Seorang pelajar dari Kolej Universiti Terengganu yang berasal dari Sabah turut membangkitkan perkara yang sama dalam majlis dialog selama satu jam 15 minit itu.

Tuntutan Filipina itu kini sedang didengar di ICJ sejak Isnin lalu oleh 16 hakim diketuai oleh Presidennya, Hakim Gilbert Guillaume dari Perancis.

Filipina membuat permohonan untuk campur tangan dalam pertikaian antara Malaysia dan Indonesia itu atas alasan, sebarang keputusan mahkamah nanti akan menjejaskan kepentingannya ke atas wilayah Borneo Utara yang sekarang dikenali sebagai Sabah.